



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 337/78
PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (GETAH ASLI MENTAH)
(PINDAAN) 1978

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :
Tarikh mula berkuatkuasa :

30 November 1978
1 April 1979

SUSUNAN PERINTAH

[Mukadimah.](#)

Perintah 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

Perintah 2. [Pindaan bagi perenggan 2 dalam teks Bahasa Malaysia.](#)

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat perintah yang berikut:

Perintah 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) (Pindaan) 1978** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1979.

Perintah 2. Pindaan bagi perenggan 2 dalam teks Bahasa Malaysia.

Perenggan-kecil (a) dan (b) perenggan 2 dalam teks Bahasa Malaysia bagi Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 [P.U. (A) 250/78] adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut:

"(a) getah asli mentah dalam bentuk yang ditentukan secara teknik, dalam bentuk susu getah termasuk yang belum divulkan atau bentuk getah yang diubahsuaikan dan getah maksud khas; dan

(b) keping lazim, skim, kerip atau apa-apa bentuk lain getah mentah yang belum diperihalkan, dengan kuantiti sebanyak 5 tan atau lebih sehari atau dengan kemampuan pengeluaran atau memproses yang sama kuantitinya."

Diperbuat pada 23hb November 1978.

[KST & AS. Sulit 4315; AS. 1005; PN. (PU²) 280.]

TAN SRI ONG KEE HUI,
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD